

ULANGKAJI BAHAGIAN TILAWAH AL-QURAN.

TEKNIK MENJAWAB BESTARI

Untuk menjawab soalan pengajaran, mulakan jawapan dengan ayat :

Kita hendaklah.....(isi).....Supaya/untuk/kerana/agar.....(huraian).....

TAJUK : PANCAINDERA YANG DIMANFAATKAN.

﴿وَلَقَدْ ذَرَأْنَا لِجَهَنَّمَ كَثِيرًا مِّنَ الْجِنِّ وَالْإِنسِ لَهُمْ قُلُوبٌ لَا يَفْقَهُونَ بِهَا وَلَهُمْ أَعْيُنٌ لَا يُبْصِرُونَ بِهَا وَلَهُمْ آذَانٌ لَا يَسْمَعُونَ بِهَا أُولَٰئِكَ كَالْأَنْعَامِ بَلْ هُمْ أَضَلُّ أُولَٰئِكَ هُمُ الْغَافِلُونَ ﴿١٧٩﴾﴾

«Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk neraka jahanam banyak dari jin dan manusia yang mempunyai hati (tetapi) tidak mahu memahaminya (ayat-ayat Allah), dan yang mempunyai mata (tetapi) tidak mahu melihat dengannya (bukti keesaan Allah) dan yang mempunyai telinga (tetapi) tidak mahu mendengar dengannya (ajaran dan nasihat); mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi; mereka itulah orang-orang yang lalai(179)»

Terangkan dua pengajaran yang dapat diambil daripada ayat 179 surah al-A'raf.

1. *Memanfaatkan hati, mata dan telinga yang telah dikurniakan oleh Allah SWT – semuanya ialah Amanah Allah SWT kepada manusia*
2. *Melaksanakan segala perintah Allah SWT dan meninggalkan larangan Nya – dijauhkan daripada neraka Jahanam.*

Isi	Kata Hubung	Huraian
1.		
2.		

TAJUK : ZIKIR PENENANG HATI

﴿وَاذْكُرْ رَبَّكَ فِي نَفْسِكَ تَضَرُّعًا وَخِيفَةً وَدُونَ الْجَهْرِ مِنَ الْقَوْلِ بِالْغُدُوِّ وَالْآصَالِ وَلَا تَكُنْ مِنَ الْغَافِلِينَ﴾

«Dan sebutlah serta ingatlah akan Tuhanmu dalam hatimu, dengan merendah diri serta dengan perasaan takut (melanggar perintahnya), dan dengan tidak pula menyaringkan suara, pada waktu pagi dan petang dan janganlah engkau menjadi dari orang-orang yang lalai(205)»

إِنَّ الَّذِينَ عِنْدَ رَبِّكَ لَا يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِهِ وَيُسَبِّحُونَهُ وَلَهُ يَسْجُدُونَ ﴿٢٠٦﴾

«Sesungguhnya mereka (malaikat) yang ada di sisi Tuhanmu tidak bersikap angkuh (ingkar) daripada beribadat kepadaNya, dan mereka pula bertasbih bagiNya, dan kepadaNya lah jua mereka sujud(206)»

TERANGKAN DUA PENGAJARAN YANG DAPAT DIAMBIL DARIPADA SURAH AL-A'RAF AYAT 205-2-6

1. Sentiasa berzikir kepada Allah SWT – hidup menjadi lebih senang
2. Mengelakkan diri daripada menyaringkan suara Ketika berzikir – Allah Maha Mendengar.

Isi	Kata Hubung	Huraian
1.		
2.		